



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK. IP.(UU):130 JLD 4(45)
Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 19 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN MENGENAI KOD ETIKA BAGI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI, PEGAWAI DAN PEKERJA KOPERASI

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk mewujudkan satu kod etika kerja bagi memantau dan mengawal tata tertib kerja Anggota Lembaga Koperasi, pegawai dan pekerja koperasi yang telah dilantik untuk melaksana, mentadbir dan menguruskan hal ehwal koperasi.

2. DEFINISI

"Pekerja" bermaksud kumpulan pengurusan atau mana-mana orang yang dilantik sebagai kakitangan sepenuh masa yang terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan harian dan perniagaan koperasi;

"Saudara-mara" bermaksud seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Anggota Lembaga Koperasi atau pekerjanya.

3. LATAR BELAKANG

Mengikut peruntukan Seksyen 45 (1) Akta Koperasi 1993, Anggota Lembaga Koperasi dikehendaki berhemat dan bertekun sebagai ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh koperasi disebabkan oleh kegagalan mereka berhemat dan bertekun dalam menjalankan operasi perniagaan koperasi atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan, undang-undang kecil dan keputusan mesyuarat agung.

4. KOD ETIKA

Dalam pengurusan koperasi, kepercayaan anggota terhadap keselamatan caruman dan dana sumbangan mereka, integriti dan profesionalisme Anggota Lembaga Koperasi, pegawai dan pekerjanya adalah amat penting. Kepercayaan anggota kepada pengurusan koperasi adalah tanggungjawab yang berat dan pengurus yang dilantik perlu memastikan koperasi diuruskan dengan baik. Anggota Lembaga Koperasi, pegawai dan pekerja koperasi hendaklah mematuhi disiplin kerja pada tahap yang tertinggi dalam menguruskan perniagaan koperasi. Koperasi hendaklah mempraktikkan tatacara kerja yang baik bagi urusan perniagaannya, dimana kecanggihan teknik pengurusan dan kepelbagaian operasi perniagaan semasa, menghendaki supaya suatu aturan beretika digubal sebagai satu garis panduan bertulis bagi mewujudkan kod etika kerja yang seragam.

5. TUJUAN KOD ETIKA

Anggota Lembaga Koperasi, pegawai dan pekerja hendaklah mematuhi kod etika seperti di para 4 untuk tujuan seperti berikut:

- (a) mengelakkan percanggahan kepentingan
- (b) mencegah daripada berlakunya salah guna kuasa, kedudukan dan maklumat
- (c) memastikan rekod yang tertentu adalah tepat dan lengkap; dan
- (d) memberikan layanan yang adil dan saksama kepada semua anggota dan pelanggan serta mana-mana orang yang berurusan dengan koperasi.

6. PEMAKAIAN

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai satu langkah bagi meningkatkan kredibiliti Anggota Lembaga Koperasi kepada satu tahap yang lebih tinggi. Ianya bertujuan untuk membantu pengurusan koperasi dalam mengadakan satu standard minimum yang sesuai bagi etika kerja yang patut dipatuhi oleh semua Anggota Lembaga Koperasi, pegawai dan pekerja koperasi.

7. LANGKAH-LANGKAH PEMANTAUAN

Untuk memastikan kredibiliti Anggota Lembaga Koperasi dan pengurusan koperasi dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, langkah-langkah berikut hendaklah diambil:

- (a) memastikan Anggota Lembaga Koperasi dan pekerjanya menandatangani suatu akujanji bahawa mereka akan terikat dengan garis panduan ini;
- (b) memberi tanggungjawab kepada seorang pengurus kanan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi oleh pekerja pada setiap masa; dan

- (c) merekod dan melaporkan sebarang ketidakakuran yang dilakukan oleh mana-mana pekerja koperasi untuk tindakan pihak atasan.

8. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Pekerja koperasi tidak dibenarkan melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa aktiviti perniagaan yang bersaing dengan koperasi atau mempunyai apa-apa kepentingan diri di dalam koperasi. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan, antara lain, adalah seperti berikut:

(a) Kepentingan kewangan di luar

Jika pekerja ada kepentingan kewangan dengan pelanggan, sama ada sebagai pemilik, peseorangan, seorang rakan kongsi-niaga, pemegang saham, pemiutang atau penghutang, kepentingan itu hendaklah dibawa kepada pengetahuan penyeliannya. Jika selepas penyeliannya dimaklumkan dan kepentingan itu masih wujud, urus niaga koperasi antara pelanggan dengan pekerja berkenaan tidak dibenarkan.

Sekatan seperti di atas tidak terpakai bagi pekerja yang memegang sekuriti syar harga awam melainkan penyeliannya berpendapat bahawa pemegangan itu melibatkan kepentingan kewangan yang material yang boleh bercanggah dengan matlamat pekerja berkenaan. Walau bagaimanapun, pegangan lima peratus atau lebih ke atas syer syar harga dalam syarikat awam adalah dianggapkan sebagai mempunyai kepentingan yang material.

(b) Kepentingan lain dalam perniagaan

Jika pekerja menjalankan perniagaannya selain daripada urusan koperasi pada masa bekerja, perbuatan bagi kepentingan diri. Bagi pekerja yang melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan luar yang memerlukan tumpuan masa dan tenaga yang berlebihan, perbuatan seperti ini juga dianggapkan sebagai kepentingan diri kerana ia menghalang pekerja daripada memberi tumpuan tenaga dan masanya kepada koperasi.

(c) Pekerja Lain

Sebelum membuat apa-apa komitmen, pekerja hendaklah berbincang dengan pengurus atau ketua bahagiannya mengenai pekerjaan sambilan atau apa-apa aktiviti perniagaan yang hendak dibuat selepas masa operasi pejabat koperasi. Kebenaran bertulis daripada pengurus atau ketua bahagian hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum seseorang pekerja boleh melibatkan diri dalam pekerjaan sambilan atau aktiviti-aktiviti lain. Permohonan untuk kelulusan hanya diberi kepada pekerja sekiranya kepentingan koperasi tidak terjejas.

(d) **Keraian dan hadiah**

Pekerja dan Anggota Lembaga Koperasi tidak boleh menerima layanan istimewa daripada pelanggan, bakal pelanggan atau pembekalnya kecuali jika dia boleh memberi balik layanan yang sama, sama ada secara peribadi atau bagi pihak koperasi di mana tuntutan balik perbelanjaan melalui baucar pembayaran dibenarkan oleh koperasi. Walaubagaimanapun, pekerja dan Anggota Lembaga Koperasi boleh menerima cenderahati yang tidak bernilai tinggi semasa musim perayaan dengan syarat penerimaan tersebut tidak menyusahkan perjalanan pertugasan, atau sekiranya tindakan penolakan itu boleh menjejaskan hubungan dengan pelanggan. Penerimaan wang tunai, bon-bon, sekuriti boleh runding, pinjaman peribadi, tiket penerbangan, atau penggunaan rumah kediaman peranginan tidak dibenarkan.

(e) **Lembaga Pengarah Syarikat Perbadanan**

Pekerja Koperasi tidak boleh menerima pelantikan sebagai Lembaga Pengarah mana-mana syarikat perbadanan atau berkhidmat sebagai seorang Lembaga Pengarah di syarikat perbadanan tanpa kelulusan Anggota Lembaga Koperasi. Pekerja koperasi yang memegang jawatan tersebut tanpa kelulusan hendaklah memohon kelulusan koperasi dengan segera sekiranya mereka ingin terus memegang jawatan. Walaubagaimanapun, pekerja boleh menjadi Lembaga Pengarah kepada syarikat perbadanan awam yang bukan bertujuan untuk membuat keuntungan seperti persatuan agama, pendidikan, kebudayaan, sosial, kebajikan, dermawan atau institusi amal dan ini adalah tertakluk kepada dasar setiap koperasi yang berkenaan.

9. PENYALAHGUNAAN KUASA

- 9.1 Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja tidak boleh menggunakan nama koperasi atau kemudahannya bagi kepentingan diri dalam politik, pelaburan atau transaksi bagi pembelian runcit, atau bagi apa-apa jenis aktiviti yang sama. Anggota Lembaga Koperasi, pekerja dan saudara maranya tidak boleh menggunakan hubungan mereka dengan koperasi bagi membuat pinjaman atau menjadi penghutang kepada pelanggan. Penggunaan jawatan dalam koperasi untuk mendapat layanan istimewa tidak dibenarkan.
- 9.2 Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja juga tidak boleh menggunakan kemudahan koperasi dan pengaruhnya bagi membuat spekulasi dalam komoditi, hartanah, emas, perak, pertukaran wang asing atau sekuriti sama ada bagi pihak diri sendiri atau sahabat atau saudara maranya. Penyalahgunaan kuasa ini boleh membawa kepada pembuangan kerja kepada mereka terlibat.

10. INTERGRITI REKOD DAN TRANSAKSI

Semua rekod perakaunan dan laporan hendaklah diselenggara dengan tepat dan lengkap. Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja tidak dibenarkan membuat apa-apa transaksi bagi kemasukan data atau maklumat palsu dalam akaun, rekod atau dokumen koperasi, kerana perbuatan sedemikian itu boleh mengelirukan kesahihan sesuatu transaksi. Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja perlu sedar mengenai peruntukan di bawah Seksyen 91 Akta Koperasi 1993, bahawa mereka boleh disabitkan dengan kesalahan dan boleh dihukum jika melanggar peruntukan undang-undang. Semua rekod dan fail komputer atau program koperasi, termasuk fail-fail peribadi, penyata kewangan dan maklumat pelanggan, hendaklah dibenarkan diperoleh untuk kegunaan pengurusan sebagaimana yang dikehendaki sahaja.

11. LAYAN YANG ADIL DAN SAKSAMA

Semua urusan niaga yang dijalankan bagi pihak koperasi dengan anggota, bakal anggota dan pelanggan hendaklah dibuat dengan adil dan saksama. Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa bagi memenuhi sesuatu kehendak anggota atau bagi mengesyorkan supaya kehendak itu tercapai. Semua transaksi dengan orang dalaman bagi kepentingan diri sendiri adalah tidak dibenarkan. Transaksi yang dibuat hendaklah selaras dengan kehendak undang-undang berdasarkan kepada kriteria perniagaan biasa dan hendaklah dilengkapi dengan dokumen serta diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi.

12. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhinya adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

13. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasa pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

Tarikh : 30 Julai 2005

s.k: Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia)
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Dan Pengurusan)
Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat
Semua Pendaftar Koperasi Negeri